

06 DISEMBER 2017

## Kempen perangi dadah habis-habisan



DR. MOHD RAFIDI mewakili Malaysia berjaya mendapat pingat emas dalam pertandingan inovasi IENA di Nuremberg, Jerman.

# Kempen perangi dadah habis-habisan

**A**GENSI Antidadah Kebangsaan (AADK) sebagai agensi peneraju dalam usaha memerangi ancaman dadah telah menyahut seruan YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap menteri Dalam Negeri yang mengisytiharkan tahun 2016 sebagai tahun bermulanya kempen terbesar memerangi jenayah berkaitan dadah.

Strategi Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) peringkat awal memberi tumpuan kepada tiga (3) focus point iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, dan penguatkuasaan di mana usaha perancangan ini juga melibatkan penyelarasan input-input daripada agensi-agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Bahagian Perkhidmatan Farmasi (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan Jabatan Pendidikan.

Program PDH 1.0 dijalankan daripada Mei hingga Disember 2016 melibatkan 14 kawasan berisiko tinggi dari 14 negeri dipilih mengikut Kajian Keberkesanan Kempen PDH di mana secara keseluruhannya menunjukkan hasil sangat memuaskan.

Pengupayaan masyarakat melalui Program Community Empowerment ataupun Pendayaupayaan Komuniti berjaya memberi kesan dalam menjelaskan kefahaman mengenai bahaya dadah serta kesedaran semua ahli komuniti mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam merancang, menggerak dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan pencegahan serta rawatan dan pemulihan dadah di dalam komuniti.

Aktiviti lain seperti kehadiran kepedulian bersama (omnipresence), ikon antidadah dan kempen media yang menjadi sebahagian aktiviti teras telah giat dilaksanakan di peringkat lapangan. Dalam ertikata lain, kempen PDH ini telah banyak menyumbang dalam menjadikan komuniti berasa yakin dan selamat dengan persekitaran mereka.

Keterangkuman komuniti berlaku di 85.7% kawasan tumpuan PDH, melibatkan peranan semua pihak iaitu badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, individu persendirian dan pemimpin komuniti.

Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin komuniti memainkan peranan paling penting

dengan kadar penglibatan sebanyak 78.6%, diikuti NGO (57.1%), sektor swasta (35.7%) dan individu persendirian (35.7%).

Dalam tempoh berkenaan juga seramai 2,459 orang penagih telah ditahan dan dikesan positif dadah melalui Ops Sarang dan Bersepadu serta Ops Cegah.

Dapatan menunjukkan seramai 518 orang (21.1%) yang ditahan adalah penagih baru dan ia adalah jauh lebih rendah iaitu pengurangan sebanyak 55.0%.

Sebelum kempen ini dilancarkan, kadar penagih baru yang direkodkan pada tahun 2015 ialah 76.1%.

Sementara itu sebanyak 70 daripada 98 (71.4%) jumlah sarang penagihan yang diprofilkan di kawasan-kawasan tumpuan tersebut juga telah dapat dibersihkan.

Melalui program ini juga didapati kesediaan komuniti untuk menggalas tanggungjawab melaksanakan program-program berada pada skala index 6.9 daripada jumlah maksimum 10 iaitu suatu tahap pencapaian yang memberangsangkan.

Kesediaan pada angka 10 adalah kesediaan komuniti untuk terus melaksanakan tindakan. Pemimpin komuniti terutamanya perlu bangkit meneraju gerakan rakyat dalam menyelamatkan anak bangsa daripada dimusnahkan oleh penyalahgunaan dadah.



## Modul Islamic

**Spiritual Rehabilitation Approach (ISRA)** merupakan salah satu modul yang digunakan dalam proses rawatan pemulihan khususnya kepada klien-klien beragama Islam di institusi-institusi pemulihan AADK.



YB TPM melancarkan Modul ISRA (Islamic Spiritual Rehabilitation Approach) di Cure & Care Sg. Ruan, Pahang.

### INOVASI ANTARABANGSA

Buat pertama kalinya dalam bidang inovasi, AADK telah berjaya meraih dua pingat emas dalam pertandingan inovasi antarabangsa Idea-Inovasi-Produk Baru (iENA) 2017 di Nuremberg, Jerman yang berlangsung pada 2-5 Nov 2017.

Penyertaan di iENA turut disertai oleh pelbagai agensi swasta, kerajaan dan universiti dari seluruh dunia dengan hampir 900 produk pelbagai kategori yang dipertandingkan. Inovasi AADK dalam kategori Sains Sosial yang dipertandingkan iaitu:

Modul Pensijilan Pengamal Psiko-Pendidikan Bertauliah Dalam Bidang Rawatan & Pemulihan Penyalahgunaan Bahan.

Terapi Psiko-Pendidikan Berkelompok Untuk Rawatan & Pemulihan Penyalahgunaan Bahan.

Kedua-dua produk ini telah dibangunkan melalui proses penyelidikan menggunakan rekabentuk "experimental" dan akan digunakan sebagai latihan wajib kepada semua pegawai antidadah bagi meningkatkan kecekapan agensi. AADK juga telah melatih 30 orang jurulatih utama yang terdiri daripada 20 orang pegawai AADK dan 10 orang pegawai Penjara Malaysia bagi melaksanakan latihan dalam perkhidmatan secara dalam dalam skala yang lebih besar.

### MODUL PSIKOSPRITUAL "ISRA"

Pendekatan keagamaan merupakan elemen teras dalam membantu kepulihan klien di pusat-pusat pemulihan AADK merangkumi pemulihan berbentuk kerohanian yang dijalankan secara institusi dan komuniti.

Modul Islamic Spiritual Rehabilitation Approach (ISRA) merupakan salah satu modul yang digunakan dalam proses rawatan pemulihan khususnya kepada klien-klien beragama Islam di institusi-institusi pemulihan AADK.

Ia merupakan satu modul kerohanian dengan mengintegrasikan model pendidikan keagamaan dalam modaliti psikososial.

ISRA dilaksanakan dengan pengisian keagamaan yang merangkumi aspek talkin, bai'at, terapi mandi, solat, zikir, tadarus al-quran serta disesuaikan mengikut keperluan klien, persekitaran dan peraturan-peraturan pusat pemulihan AADK.

Modul ISRA mampu untuk mengekalkan kepulihan di kalangan klien kerana ia membangkitkan rasa keinsafan dalam diri untuk menjadi insan yang berpegang teguh kepada ajaran agama dan menjaui segala perkara yang

boleh merosakkan diri.

Di samping itu juga modul ISRA dapat membina nilai jati diri yang kukuh dan mampan untuk menjadi manusia yang berguna dan bertanggungjawab bukan sahaja kepada diri bahkan keluarga dan masyarakat.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri secara rasminya melancarkan modul ini pada 24 Februari 2017 di CCRC Sg. Ruan, Pahang.

Sehingga kini seramai 619 orang klien telah tamat mengikuti rawatan dan pemulihan menggunakan Modul ISRA dan pada tahun ini, modul ini telah diperluaskan ke CCRC Tiang Dua, Melaka dan CCRC Perlop, Perak.

Kajian pengesanan terhadap mereka yang telah menjalani program ini menunjukkan kadar pengkalan pada tahap 86% untuk tempoh tahun pertama dalam pengawasan.

AADK akan terus berusaha meneroka malan-amalan terbaik bagi mentapkan pendekatan ISRA dalam rawatan dan pemulihan penagihan dadah.